

## **Mahasiswa bekerja sambil untuk menampung kos sara hidupnya.**

Oleh: Nurul Nabilatulhuda Mohd Khairullah

SELANGOR: Sebagai seorang mahasiswa, mereka bukan sahaja harus cekal menghadapi cabaran pengajian akan tetapi mereka juga cekal dalam menangani isu kewangan untuk menampung kos sara hidup yang tinggi dengan bekerja sambil berikutan keadaan ekonomi yang tidak stabil kini.

Senario ini mendorong kemunculan pelbagai inisiatif bagi meringankan beban mereka dan pada masa yang sama, ramai mahasiswa yang bertekad untuk menceburi dunia keusahawanan atas semangat yang tinggi untuk berdikari.

Terdapat juga sebilangan daripada mereka yang sanggup menanggung penat lelah dengan bekerja sambil dalam pelbagai sektor pekerjaan kerana segelintir daripada mereka tidak sanggup untuk menanggung risiko menjalankan perniagaan sendiri.

Alumni UiTM Shah Alam, Nurul Afaf Zinon, berkata pihak universitinya tidak melarang mereka untuk bekerja sambil tetapi bergantung kepada pelajar itu sendiri sama ada mereka mampu atau tidak untuk bekerja sambil belajar.

Dia juga bersetuju bahawa ada sesetengah pelajar di universiti tersebut bekerja sambil untuk menampung perbelanjaan mereka.



Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengajian Muamalat, UiTM Shah Alam, bekerja sebagai penjual kek semenjak dua tahun yang lalu.

Nurul Sajidah Mohd Khairuddin, 21, seorang pelajar yang mengambil bidang muamalat di UiTM telah menceburkan dirinya dalam perniagaan kek selama dua tahun.

Beliau berkata, perniagaan kek merupakan salah satu usahanya untuk menanggung kos sara hidup di Selangor selain minatnya dan berani menanggung risiko di dalam perniagaannya sendiri.



Tempahan kek yang diambil sempena hari jadi salah seorang

“Pendapatan daripada jualan kek, saya gunakan untuk menampung kos kehidupan saya di sana sebagai contoh digunakan untuk bayar sewa rumah dan alhamdulillah saya mendapat rezeki lebih untuk membeli sebuah kereta dengan menggunakan hasil titik peluh saya sendiri” katanya.

Sementara itu, Nur Aliya Adnan, 21, pula berkata, dia menjual tudung secara dalam talian dan salah satu inisiatifnya untuk menampung kos pembelajarannya akan tetapi penjualan tudung itu tidak konsisten kerana perlu memfokuskan diri dalam pelajaran juga.

“Walaupun hanya bekerja sambilan, hendaklah mahasiswa tersebut tidak melupakan tanggungjawabnya sebagai seorang pelajar. Selain itu, mereka mesti pandai membahagikan masa agar pelajaran mereka tidak terabai.

“Oleh itu, mereka boleh membuat pilihan sendiri sama ada mahu bekerja atau tidak akan tetapi pembelajaran tidak boleh diabaikan disamping mereka juga boleh menimba pengalaman dunia kerjaya yang sebenar,” katanya.